

LALAT BUAH




Tanda serangan:

Bintik-bintik hitam kelihatan pada tempat ia bertelur. Ulat yang baru menetas mengorek ke dalam buah dan memakan tisu mengakibatkan buah busuk, berair dan gugur.

Kawalan:

- Bungkus buah yang belum diserang, bersihkan dan kubur buah yang rosak.
- Amalkan pemantauan berterusan dan kebersihan ladang.
- Pasang perangkap pemikat lalat buah (*pheromone*) + racun di luar kawasan ladang.

HAMA DAN KUTU TRIP



Tanda Serangan:

- Serangga dewasa dan nimfa menghisap cecair daun, pucuk dan buah menyebabkan daun mengeriting dan buah melengkung.
- Permukaan buah bertompok-tompok berwarna perang, kering dan berkeruping.
- Serangan mudah berlaku dalam musim kering dan cuaca panas.

Kawalan:

- Amalkan sistem tanaman bergilir.
- Cantas dan bakar bahagian tanaman yang terjejas.
- Jika perlu, sembur dengan racun yang disyorkan.

KUPU-KUPU PENYUCUK BUAH




Tanda Serangan:

Kupu-kupu menyucuk buah limau, menghisap cecair dan menyebabkan lubang kecil seperti cucukan jarum yang berkelompok hitam di sekelilingnya. Air buah mengalir keluar dan menyebabkan buah buruk dan gugur.

Kawalan:

- Amalkan pemantauan berterusan dan kebersihan ladang.
- Pasang perangkap lampu.
- Jika perlu, sembur dengan racun yang disyorkan.

TERITIP



Tanda Serangan:

Tanaman yang diserang akan menjadi layu dan daunnya akan kelihatan berbintik-bintik kekuningan.

Kawalan:

- Pastikan benih dan semaian adalah bebas daripada serangga ini sebelum pindah tanam ke ladang.
- Jika perlu, sembur dengan racun yang disyorkan.



MUSUH PEROSAK UTAMA BAGI TANAMAN BUAH-BUAHAN



UNTUK KETERANGAN LANJUT:

MAKMAL MUSUH TANAMAN
UNIT PERLINDUNGAN TANAMAN
PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN BRUNEI
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

E-mail: crop.protection@agriculture.gov.bn
Laman Sesawang: www.agriculture.gov.bn

LALAT PUTIH, KOYA-KOYA DAN AFID

LALAT PUTIH



KOYA-KOYA

AFID



Tanda Serangan:

- Serangga menghisap cecair daun, menjadikannya menguning kerana kehilangan nutrien dan air.
- Manisan yang dikeluarkan oleh serangga ini menggalakkan pertumbuhan kulat jelaga pada permukaan daun, menghalang proses fotosintesis dan menjejaskan pertumbuhan tanaman.
- Berpotensi menjadi vektor pembawa virus penyakit.

Kawalan:

- Amalkan sistem tanaman bergilir.
- Cantas dan bakar bahagian tanaman yang terjejas.
- Jika perlu, sembur dengan racun yang disyorkan pada permukaan atas dan bawah daun.

KESISANG



Tanda Serangan:

Serangga dewasa dan nimfa menghisap cecair pada daun, pucuk dan buah (Kesisang Perisai) yang menyebabkannya menjadi layu dan mati.

Kawalan:

- Amalkan pemantauan yang berterusan.
- Tangkap dan musnahkan serangga dewasa dan nimfa.
- Jika perlu, sembur dengan racun yang disyorkan.

PENGOREK DAHAN MANGGA




Tanda Serangan:

- Ulat mengorek masuk ke dalam dahan dan batang pokok.
- Lelehan cecair kelihatan pada kesan korekan.
- Bahagian atas dahan yang diserang akan mati.
- Jika dibelah, jalur hitam/gelap kenampakan pada dahan yang terjejas.

Kawalan:

- Pangkas dan bakar dahan yang diserang.
- Jika perlu, sembur lubang korekan dengan racun yang disyorkan.

KUMBANG APAGONIA



Tanda Serangan:

- Daun berlubang sehingga tinggal bingkai daun yang koyak.
- Terdapat sedikit fras (najis) pada daun yang diserang.
- Kumbang ini biasanya aktif menyerang pada waktu malam sahaja.

Kawalan:

Jika perlu, sembur dengan racun yang disyorkan pada akhir petang.

KUMBANG BELALAI



Tanda Serangan:

Daun dimakan dari bahagian tepi dan hanya tisu yang lembut di antara urat daun sahaja dimakan, menjadikan daun tersebut seperti rangka.

Kawalan:

- Tangkap dan musnahkan serangga dewasa.
- Jika perlu, sembur dengan racun yang disyorkan.